



**TEKS UCAPAN ALU-ALUAN**

***KETUA EKSEKUTIF CIDB***  
**DATO' SR MOHD ZAID ZAKARIA**

**SEMPENA**  
**LAWATAN KERJA RASMI YB TIMBALAN MENTERI KERJA RAYA**  
**KE AKADEMI BINAAN MALAYSIA (ABM) WILAYAH UTARA**

**BERTEMPAT DI:**  
**AUDITORIUM ABM WILAYAH UTARA, SINTOK, KEDAH**

**PADA:**  
**18 FEBRUARI 2024 (AHAD)**

Terima kasih tuan/puan Pengacara Majlis,

Yang Berhormat

**Datuk Seri Ahmad Maslan**

Timbalan Menteri Kerja Raya

Yang Berusaha

**Mohd Nazri Hj Zakaria**

Ketua Pegawai Eksekutif, Akademi Binaan Malaysia Wilayah Utara

Yang Berusaha

**Encik Mohd Hafiz Dasahi**

Ketua Pegawai Eksekutif, CIDB Technologies

Pegawai Kementerian Kerja Raya

Pegawai CIDB Malaysia dan Operasi Anak Syarikat CIDB Malaysia

Seterusnya pelatih-pelatih yang dihormati sekalian

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

Salam Sejahtera dan Salam Malaysia Madani.

## **MUKADIMAH**

1. Pertama sekali, saya ingin mengalu-alukan kehadiran dan mengucapkan selamat datang kepada Yang Berhormat Datuk Seri Ahmad Maslan, Timbalan Menteri Kerja Raya Malaysia serta pegawai-pegawai Kementerian ke Akademi Binaan Malaysia (ABM) Wilayah Utara bertempat di Sintok, Kedah Darul Aman.
2. Syukur ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah kurnia dan izin-Nya, dapat kita bersama berkumpul pada hari ini bersempena dengan Lawatan Kerja Rasmi YB Timbalan Menteri Kerja Raya ke Akademi Binaan Malaysia (ABM) Wilayah Utara.
3. Saya turut ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Yang Berhormat Datuk Seri Ahmad Maslan, Timbalan Menteri Kerja Raya Malaysia yang sudi membuat lawatan kerja rasmi ke ABM Wilayah Utara ini.

Sidang hadirin sekalian,

## **MENEKANKAN KEPENTINGAN TVET DAN PERANAN CIDB**

4. Sejak penubuhan Akademi Binaan Malaysia (ABM) pada tahun 1997 dan CIDB Technologies Sdn Bhd (CIDB Tech) pada tahun 2020, kedua-dua entiti di bawah CIDB Malaysia telah memainkan peranan besar dalam melaksanakan latihan-latihan yang berfokuskan TVET. Skop TVET memberi penekanan kepada komponen praktikal, kemahiran psikomotor dan pendedahan kepada latihan di industri yang bertujuan untuk membangunkan

tenaga kerja yang berkemahiran dan mempunyai tahap kompetensi yang mencapai standard industri pembinaan.

5. Bagi meningkatkan produktiviti sumber manusia industri pembinaan, program-program latihan TVET sedia ada perlu diberi nafas baharu selari dengan perubahan arus masa kini yang memberi tumpuan dan pendekatan ke arah pembangunan teknologi seiring dengan Pelan Strategik Pembinaan 4.0.
6. Pada Mesyuarat bersama Kementerian Kerja Raya, 1 Disember 2023, Ketua Setiausaha KKR menyarankan agar CIDB meneroka bidang-bidang kemahiran atau teknologi baharu yang masih belum ditawarkan oleh mana-mana penyedia latihan seperti bidang *Artificial Intelligence (AI)* supaya tiada pertindihan terhadap bidang latihan yang ditawarkan.
7. Dalam usaha memperkasakan pendigitalan sektor pembinaan melalui penggunaan teknologi, CIDB telah memulakan langkah dengan membangunkan bahan pengajaran dan pembelajaran secara teknologi digital di ABM dan CIDB Technologies yang akan mengaplikasi penggunaan AR/ VR dan Drone bagi tred berimpak tinggi.
8. Berdasarkan statistik pencapaian tahun 2023, lebih daripada **RM 51 juta** telah digunakan untuk membekalkan latihan kemahiran pembinaan kepada **12 ribu** belia dan personel binaan. melalui 6 buah ABM dan CIDB Tech yang terletak di seluruh negara. Dengan lebih daripada 100 bidang kemahiran yang ditawarkan di seluruh negara, pelbagai peluang kerjaya yang menanti untuk diterokai.

9. Untuk ABM Wilayah Utara sahaja, seramai **12 ribu** telah menjalani latihan di dalam pelbagai bidang kemahiran dari tahun 2018 hingga 2023. Manakala bagi pencapaian tahun 2023, lebih daripada **2 ribu** belia dan personel binaan telah dilatih dengan peruntukan sebanyak **RM 7.6 juta**.
10. Antara bidang dan tred yang menjadi permintaan tinggi di ABM Wilayah Utara adalah seperti *Gas Pipe Fitter, Wireman Single Phase, Air-Conditioning & Mechanical Ventilation, Scaffold Erection, Plant Operation* dan banyak lagi.
11. Menjelajah sejarah kejayaan, lebih daripada 420,000 pekerja mahir telah menjalani latihan kemahiran yang signifikan melalui program belia dan personel binaan di ABM dan CIDB Technologies.

## **TVET INDUSTRI PEMBINAAN PILIHAN UTAMA DAN KEBOLEHPASARAN**

Saudara & Saudari Sekalian,

12. Saya ingin mengucapkan syabas kepada semua yang telah memilih untuk menjalani latihan di dalam bidang kemahiran TVET pembinaan. Sememangnya industry pembinaan amat memerlukan tenaga mahir bagi memastikan projek-projek pembinaan dapat dilaksanakan dengan selamat dan berkualiti.
13. Secara puratanya dari tahun ke tahun pencapaian kebolehpasaran graduan TVET melebihi 85 peratus. Dengan kadar kebolehpasaran

yang tinggi menjadikan TVET sebagai pilihan utama lepasan sekolah.

14. Graduan muda kita diberikan pengiktirafan melalui Sijil Kompetensi Kemahiran Pembinaan (SKKP), yang menjadikan mereka pekerja mahir di industri pembinaan. SKKP membuka pintu peluang bagi mereka boleh terus bekerja dalam sektor ini, serta mematuhi kehendak Akta 520 sebagai pekerja binaan yang diakui mahir oleh CIDB.

## **PENUTUP**

15. Akhir kata, kepada pelatih yang sedang mengikuti program latihan di sini, gunakanlah setiap peluang dan kesempatan yang telah diberikan ini untuk belajar dengan baik. Pencapaian anda bukan hanya suatu kejayaan peribadi, tetapi juga menjadi pendorong bagi lebih ramai belia di luar sana untuk menyertai program TVET seperti ini pada masa akan datang. Semangat dan usaha anda diharapkan akan menjadi inspirasi, melahirkan lebih banyak usahawan, kontraktor, dan pakar-pakar kemahiran pembinaan yang berwibawa dari kawasan Utara.
16. Sebelum saya mengakhiri ucapan ini, saya sekali lagi ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada Yang Berhormat Datuk Seri Ahmad Maslan, Timbalan Menteri Kerja Raya Malaysia serta pegawai-pegawai Kementerian ke Akademi Binaan Malaysia (ABM) Wilayah Utara.

***Sekian, Wabillahitaufik Walhidayah, Wassalamualaikum  
Warahmatullahi Wabarakatuh.***